

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS [JERANTUT]**

SOALAN NO. 62

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah RM dan bilangan peminjam PTPTN yang mengambil peluang untuk mendapatkan diskaun bayaran balik sebagaimana pengumuman Bajet 2017 dan 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Bajet 2017 telah memperkenalkan diskaun 15 peratus bagi penyelesaian penuh hutang dan diskaun 10 peratus bagi bayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang atau bayaran balik melalui potongan gaji dan *direct debit*. Manakala melalui pembentangan Bajet 2018, Kerajaan bersetuju pemberian diskaun 10 peratus ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018 serta menaikkan diskaun penyelesaian penuh hutang daripada 15 peratus kepada 20 peratus.

Sehingga 31 Disember 2018, seramai 305,099 orang peminjam telah membuat penyelesaian penuh hutang yang melibatkan pemberian diskaun sebanyak RM666.10 juta, manakala 359,687 orang peminjam telah menikmati diskaun 10 peratus yang melibatkan jumlah diskaun sebanyak RM177.71 juta. Jumlah keseluruhan peminjam yang menikmati kemudahan diskaun bagi Bajet 2017 dan 2018 adalah seramai 664,786 orang melibatkan jumlah keseluruhan diskaun sebanyak RM843.81 juta.